

LCCC minta pusat hiburan, salon rambut dibenar beroperasi

LABUAN: Dewan Perniagaan Cina Labuan (LCCC) pada Khamis meminta kerajaan Pusat untuk membenarkan pusat hiburan dan salon rambut di sini beroperasi semula dengan penguatkuasaan langkah lebih ketat di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Presidennya, Datuk Wong Kii Yii hampir kesemua daripada lebih 50 pusat hiburan dan salon rambut di wilayah bebas cukai itu bimbang terpaksa menutup terus perniagaan sejak PKP dilaksanakan.

"Kami merayu kerajaan untuk meneliti semula nasib dan keadaan pengendali pusat hiburan itu. Ada di antara mereka yang mungkin terpaksa menutup operasi kerana dibebani tunggakan bayaran sewa," katanya kepada *Bernama* pada Khamis.

Menurutnya, pengendali kelab malam yang menggaji ramai pekerja itu sememangnya terjejas dengan penutupan sementara tersebut kerana tidak layak menikmati insentif selain diburu oleh pemilik

bangunan kerana gagal melunaskan tunggakan sewa.

Malah, katanya, pengendali pusat hiburan dan salon dandanan rambut itu juga sanggup mematuhi prosedur operasi standard (SOP) lebih ketat seperti penjarakan sosial asalkan dibenarkan beroperasi semula.

"Bukan semua pemilik tanah komersial ini memberi kelonggaran bayaran sewa. Namun jika terus tidak mendapat bantuan atau sokongan, pengendali terbabit mungkin perlu memulakan langkah pemberhentian pekerja pada minggu ini.

"Apa lebih penting sekarang adalah mata pencarian pekerja kerana ada yang telah berkhidmat lebih sedekad lamanya," katanya.

Wong berkata walaupun Wilayah Persekutuan Labuan berstatus pusat perniagaan dan kewangan, realitinya keadaan di pulau itu kini lebih kepada usaha untuk meneruskan kelangsungan. - *Bernama*